

Telaah Imarah Ramadan Semarak Budaya Ilmu Warga UPSI

Tanjong Malim, 4 Mac - Ramadan bukan sekadar bulan ibadah, tetapi medan terbaik untuk menyemarakkan budaya ilmu dan memperkukuh pembudayaan membaca dalam kalangan warga universiti, sekali gus menyuburkan tradisi keilmuan yang menjadi nadi kecemerlangan kampus.

Justeru, Pusat Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Perpustakaan Tengku Bainun (PTB) menganjurkan Program Telaah Imarah Ramadan sempena Perhimpunan Bulanan Edisi Mac 2026.

"Ramadan wajar dimaknai bukan sahaja sebagai bulan berpuasa, malah sebagai bulan penyubur rohani, pengayaan ilmu dan pemeraksanaan budaya membaca dalam kalangan warga kampus.

"Telaah' adalah inisiatif yang digerakkan atas cetusan idea kepimpinan negara untuk membudayakan amalan membaca melalui diskusi ilmiah secara kreatif dan reflektif.

"Ia diperkenalkan sebagai program audio siar bedah buku yang mengajak masyarakat menelusuri pemikiran serta kandungan karya penting secara terbuka dan mendalam," katanya ketika menyempurnakan program berkenaan di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, penganjuran majlis itu bukan sekadar rutin bulanan, sebaliknya sarat dengan pengisian rohani dan intelektual menerusi tema "Telaah Imarah Ramadan". Prof. Datuk Dr. Md Amin berkata di peringkat universiti, inisiatif Telaah@UPSI membawa semangat tersebut ke kampus melalui sesi pembacaan, dialog dan diskusi buku antara warga akademik, pelajar serta komuniti, sekali gus mewujudkan suasana intelektual yang terbuka dan bermakna.

"Melalui kegiatan membaca dan diskusi ilmu, kita menggabungkan ibadah dengan pengetahuan, menjadikan Ramadan sebagai medan meningkatkan kesedaran, pemikiran reflektif dan aplikasi nilai dalam kehidupan seharian.

Turut menjadi panel ialah Pendakwah dan Motivator, Ustazah Isfadhah Mohd Dasuki yang menyentuh dimensi rohani, motivasi serta pengamalan nilai Islam dalam konteks kehidupan harian, manakala sesi dikendalikan oleh Ustaz Mohd Hasbi Abdul Rahman dari Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI.

Pada program yang sama turut diadakan sesi penyampaian anugerah peminjam buku terbanyak 2025 PTB sebagai pengiktirafan kepada warga universiti yang menunjukkan komitmen tinggi terhadap budaya membaca.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Ukhuwah warga UPSI pemacu prestasi cemerlang

Tanjong Malim, 4 Mac - Kerjasama padu dan ukhuwah seluruh warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menjadi pemacu utama kepada pencapaian prestasi cemerlang universiti.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan merakamkan penghargaan, terima kasih serta tahniah kepada seluruh warga UPSI atas kejayaan universiti yang dicapai hasil usaha kolektif semua pihak. “Prestasi cemerlang ini adalah hasil kerjasama tuan-tuan dan puan-puan sekalian sebagai anggota keluarga UPSI itu sendiri,” katanya ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa Perdana UPSI yang diadakan di Masjid Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah semalam.

Menurut beliau kejayaan yang diraih bukan hasil usaha individu semata-mata, sebaliknya menuntut komitmen berterusan daripada pentadbir, pengurusan, pensyarah serta staf sokongan. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, pengantjaran

Mahasiswa UPSI Santuni Masyarakat Melalui Program Mewarisi Tradisi: Rewang Bubur Lambuk

Baling, 7 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus memperkukuh peranannya sebagai universiti komuniti menerusi pengantjaran Program Mewarisi Tradisi: Rewang Bubur Lambuk. Program yang berlangsung di Surau Kampung Telok Temelah ini menyaksikan kolaborasi erat antara mahasiswa dan penduduk setempat dalam memelihara warisan kuliner tradisional.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 10 orang mahasiswa UPSI yang berkampung bersama kira-kira 20 orang penduduk kariah. Aktiviti yang bermula seawal jam 10.00 pagi ini tidak sekadar menumpukan kepada penyediaan juadah

majlis berkenaan saban tahun bertujuan memperkukuh ukhuwah antara universiti, alumni, pelajar, masyarakat setempat serta ketua-ketua jabatan daerah. “Matlamat akhir kita menganjurkan program ini setiap tahun tidak lain adalah untuk mengeratkan ukhuwah antara UPSI, alumni, pelajar, masyarakat sekitar dan seluruh pemegang taruh universiti,” katanya.

Md Amin turut menzahirkan rasa syukur atas pencapaian UPSI yang kini berada pada kedudukan 101 terbaik dunia, yang menurutnya adalah hasil doa, bantuan, restu, munajat dan pengorbanan daripada seluruh warga universiti. “Alhamdulillah, hari ini kita berada di tangga 101 terbaik di dunia. Ini adalah hasil usaha dan sokongan daripada kita semua,” katanya. Dalam pada itu, majlis turut menyaksikan penyerahan sumbangan kepada waris kakitangan UPSI yang meninggal dunia serta penyerahan wakalah zakat kepada 10 pelajar sebagai tanda keprihatinan universiti terhadap kebajikanarganya.

bubur lambuk, malah menjadi platform penting dalam mengasah kemahiran insaniah dan semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar. Menurut pengarah program, inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha universiti untuk mendedahkan mahasiswa kepada realiti kehidupan bermasyarakat melalui aktiviti “rewang” atau bergotong-royong, mahasiswa dapat mempelajari nilai kerjasama, toleransi, dan komunikasi berkesan yang tidak dapat diperoleh secara formal di dalam dewan kuliah.

“Kehadiran mahasiswa di sini bukan sahaja untuk membantu, tetapi untuk belajar daripada kearifan tempatan penduduk kampung.



Apa sebenarnya yang menarik minat murid terhadap STEM?

Minat terhadap bidang STEM sering diperkatakan sebagai kunci kepada pembangunan modal insan masa depan. Namun, persoalannya, apakah sebenarnya yang mendorong murid untuk meminati subjek seperti Sains, Matematik dan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)/Asas Sains Komputer (ASK)?

Satu kajian telah dijalankan di Universiti Pendidikan Sultan Idris yang melibatkan 620 orang murid telah meneliti enam faktor utama yang mempengaruhi minat terhadap STEM. Kajian tersebut telah mendapati bahawa kandungan subjek, diri sendiri, guru, persekitaran pembelajaran, keluarga dan rakan sebaya merupakan faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi minat murid terhadap STEM.

Kandungan Subjek: Faktor Paling Konsisten

Antara semua faktor, kandungan subjek menunjukkan pengaruh yang tinggi terhadap minat dalam Sains dan Matematik. Murid cenderung meminati kandungan yang mereka anggap relevan dengan kehidupan seharian dan mempunyai kepentingan untuk masa depan akademik dan kerjaya.

Sebaliknya, RBT/ASK berada pada tahap sederhana. Mungkin kerana subjek ini lebih baharu diperkenalkan dalam kurikulum dan masih dalam proses pematapan dari segi kefahaman serta penerimaan murid. [arrow_forward_ios](#)

Diri Sendiri: Keyakinan Itu Penting

Faktor dalaman seperti minat itab ole dan keyakinan diri turut memainkan peranan besar, khususnya dalam Sains dan RBT. Murid yang yakin dengan kebolehan mereka lebih cenderung menunjukkan minat yang tinggi.

Namun bagi Matematik, tahap minat masih sederhana. Ini mungkin berkait dengan persepsi bahawa Matematik adalah subjek yang sukar dan mencabar. Rasa takut atau kebingungan terhadap kesilapan boleh mempengaruhi minat secara tidak langsung. Dapatan menunjukkan guru dan persekitaran pembelajaran memberi kesan yang tinggi terhadap Sains dan RBT. Subjek yang melibatkan eksperimen, aktiviti *hands-on* dan penggunaan teknologi jelas lebih menarik perhatian murid.

Suasana kelas yang interaktif, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang pelbagai serta pendekatan pedagogi yang kreatif menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Bagi Matematik, dapatan sederhana memberi isyarat bahawa pendekatan pengajaran mungkin perlu dipelbagaikan agar lebih kontekstual dan dekat dengan pengalaman harian murid.

Keluarga dan Rakan Sebaya: Sokongan Sosial yang Bermakna

Menariknya, keluarga memberi pengaruh yang tinggi terhadap minat dalam Matematik dan RBT. Sokongan, dorongan dan perhatian ibu bapa terhadap subjek yang dianggap penting atau mencabar jelas memberi kesan kepada sikap murid.

Rakan sebaya pula berada pada tahap sederhana bagi semua subjek. Walaupun bukan faktor dominan, interaksi sosial tetap memainkan peranan sebagai sumber motivasi dan inspirasi dalam pembelajaran.

Apakah Maksudnya Untuk Kita?

Dapatan ini membawa satu mesej penting iaitu minat terhadap STEM tidak boleh dibina melalui satu pendekatan sahaja. Ia memerlukan ekosistem yang menyokong: kandungan yang relevan, guru yang kreatif, suasana pembelajaran yang menarik, sokongan keluarga serta keyakinan diri murid itu sendiri.

Jika semua faktor ini digerakkan secara seiring, potensi murid dalam bidang STEM boleh diperkasa dengan lebih berkesan. Minat bukan sekadar muncul secara spontan, tetapi perlu dipupuk secara sedar dan berstrategi.

Akhirnya, persoalan sebenar bukan lagi “Mengapa murid kurang minat STEM?”, tetapi “Bagaimana kita boleh bersama-sama membina minat itu?”



Santun JKPU 2026 @ Fakulti Bahasa dan Komunikasi



Jelajah fakulti melalui Program Santun JKPU ke Fakulti Seni, Kelestarian & Industri Kreatif (FSKIK).



Santun JKPU 2026 @ Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV)



Santun JKPU 2026 @ Fakulti Sains Kemanusiaan